



ANUGERAH
ikon
VARSITI BH

Kanak-kanak di Kemboja serta menyertai aktiviti program Misi Ummah 'Journey of Khalifah'.



Kumpulan Censerve Team UIAM.

Berbakti tanpa batas sempadan

Oleh Sarah Aina Shawal
sarah.aina@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Ketinggian semangat untuk menabur bakti kepada masyarakat tanpa mengenal batas sempadan akhirnya membawa tuah kepada tiga kumpulan universiti apabila berjaya menjadi finalis Kategori Khidmat Sosial, Anugerah Ikon Varsiti BH 2013.

Salah satunya ialah kumpulan UTM-ISL Bogra dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang menjalankan projek 'International Service Learning Bogra, Bangladesh', tahun lalu.

Projek itu yang disertai 16 pelajar dari kalangan ahli Persatuan UTM dan Khidmat Sosial (UKQL 3012), berlangsung selama 10 hari di Zaher Uddin Model Junior Girls' School, Bogra, memabitkan pelbagai aktiviti seperti mewujudkan landskap baharu untuk menceriakan kawasan sekolah terbabit, membina pagar dan menjalankan

» Finalis pertaruh projek khidmat sosial bantu komuniti di luar negara

program pendidikan.

Perkasa universiti

Inisiatif berkenaan antara usaha UTM memperkasakan universiti itu pada peringkat antarabangsa, terutama dalam bidang khidmat sosial kepada masyarakat global, sekali gus membantu mereka yang kurang bernasib baik.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) turut berjaya ke peringkat akhir melalui kumpulan Censerve Team yang mempertaruhkan projek bertajuk Misi Ummah 'Journey of Khalifah' di Kemboja, tahun lalu.



Antara aktiviti menarik diadakan dalam program Misi Kembara Kehidupan Di Bumi Aussie.

Projek itu dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Alumni Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra, Kedah, Ummatic Mission Resources (UMR), Penerbangan Malaysia (MAS) dan Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM) Shah Alam.

Misi kembara kehidupan

Pelbagai aktiviti yang memberi impak kepada masyarakat tempatan dijalankan, antaranya ibadah korban, berkhatan, pengagihan sumbangan pakaian dan peralatan untuk mengerjakan ibadah, projek makanan halal, jahitan dan air bersih, program pendidikan kanak-kanak Kemboja serta wakaf muqad-

dam.

Sementara itu, kumpulan Urus Setia Latihan Pembangunan Mahasiswa (ULPM) dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), melangkah ke final dengan projek 'Global Islamic Students Outreach' (GISO) 2013 yang berlangsung di Wollongong dan Sydney, Australia.

Misi Kembara Kehidupan di Bumi Aussie selama lapan hari itu memperluas jaringan peserta dengan komuniti Islam dan antarabangsa, aktiviti dijalankan termasuklah khidmat masyarakat bersama-sama warga Masjid Darul Imaan di Sydney dan sesi dialog dengan Persatuan Pelajar Malaysia di University of Wollongong untuk berkongsi pengalaman, terutama mengenai makanan halal.



Peserta membina landskap baharu untuk menceriakan kawasan Zaher Uddin Model Junior Girls' School, Bogra, Bangladesh.



Kumpulan UTM - ISL Bogra UTM.



Kumpulan Urus Setia Latihan Pembangunan Mahasiswa ULPM, USIM.